

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memantau dan mengenal pasti lif-lif yang telah usang atau lama di setiap blok-blok perumahan di seluruh negara terutamanya di kawasan perumahan seperti flat atau perumahan yang tidak mempunyai badan yang menyelia agar kes kerosakan lif dapat diatasi dengan baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab badan pengurusan (JMB/MC) yang terdiri daripada semua pembeli/pemilik untuk mengurus dan menyenggara bangunan dan harta bersama secara kolektif. Sehubungan itu, badan pengurusan (JMB/MC) hendaklah ditubuhkan terlebih dahulu bagi mengenal pasti sebarang kerosakan pada bangunan dan harta bersama termasuklah yang berkaitan dengan kerosakan lif seterusnya memastikan penyelenggaraan dibuat secara berkala dan konsisten.

2. Sekiranya lif-lif yang usang dan lama telah dikenal pasti dan didapati rosak, badan pengurusan tersebut boleh mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

NO SOALAN : 45

(KPKT) melalui Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memohon peruntukan di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) tertakluk kepada peruntukan dan keutamaan projek.

3. Badan pengurusan (JMB/MC) juga amat penting untuk memastikan lif-lif berada dalam keadaan yang baik dengan melantik kontraktor lif yang kompeten untuk memeriksa dan menyenggara lif mengikut jadual penyelenggaraan berkala. Badan pengurusan (JMB/MC) juga perlu mematuhi ketetapan pemeriksaan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Sijil Perakuan Kelayakan (PMA) hendaklah diperbaharui setiap 15 bulan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 1939].

4. Manakala, KPKT hanya memantau badan pengurusan (JMB/MC) melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT selari dengan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

Sekian, terima kasih.